

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 28.08.2024 MASA: 7.36 AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PENDIDIKAN HIJAU DIGITAL
2024**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**28 OGOS 2024 (RABU)
3.00 PETANG**

**DEWAN DATUK HAJI AHMAD BADAWI (DDHAB)
BUTTERWORTH
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

YBhg. Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid

Datuk Bandar Seberang Perai

Yang Berusaha Dr Sumayyah Bt Dzulkifly

Penyelaras Program Komuniti,

Pusat Pendidikan Hijau, Universiti Sultan Idris (UPSI)

Yang Dihormati En. Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

YBhg Dato' Seri Lee Teong Li

Regional General Manager TCS Malaysia

Yang Dihormati En Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran

Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik MBSP

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul dalam **Majlis Pelancaran Pertandingan Pendidikan Digital Hijau** di Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth.
2. Program Pertandingan Pendidikan Hijau Digital @ *Edu-Green Digital* ini adalah anjuran bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan *EduGreenDigital@UPSI* yang dibangunkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Manakala Amphenol TCS dan Karomech adalah penaja program. Ini menunjukkan satu kerjasama strategik antara MBSP, agensi swasta dan kerajaan bersama institusi pengajian tinggi.
3. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada urusetia, penganjur program, penaja dan semua yang terlibat kerana bertungkus lumus menjayakan program istimewa pada hari ini.
4. Program Pendidikan Hijau Digital merupakan satu program yang memberi kesedaran kepada murid dan pelajar dalam menjaga alam sekitar serta memberi impak dalam menjayakan Pendidikan Digital Aspirasi Negara MADANI. UPSI yang merupakan penasihat dalam Pendidikan Hijau Digital ini pada peringkat permulaannya dengan

kerjasama MBSP telah memperkenalkan Pendidikan Hijau Digital Peringkat Sekolah yang dilancarkan pada 13 April 2019. Program ini merupakan inovasi yang harus diberi penghargaan dan diperluaskan kesemua sekolah-sekolah di Malaysia.

5. Pertandingan Pendidikan Hijau Digital merupakan aktiviti yang melibatkan penyertaan sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh Seberang Perai. Pendidikan Hijau Digital Peringkat Sekolah ini adalah salah satu program bagi meningkatkan kesedaran sekolah dalam menjayakan Sekolah Hijau.
6. Pendidikan Hijau Digital merupakan satu alat Permainan Pendidikan dalam bentuk digital (*Digital Education Tools*) yang dikenali sebagai *Edutainment*. Permainan Pendidikan Hijau Digital ini berasaskan pembelajaran pedagogi pendidikan dan perlu diselesaikan dalam masa yang ditetapkan.
7. Pertandingan ini terbahagi kepada tiga(3) kategori iaitu:-
 - i. Kategori 1 – Sekolah Rendah (*Ocean Zero Trash*)
 - ii. Kategori 2 – Sekolah Menengah (*Welcome2Compost*)
 - iii. Kategori 3 – Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah (*Rubbish War*)

8. Setiap penyertaan pertandingan ini akan memperoleh sijil digital dan pemenang bagi pertandingan ini akan membawa pulang hadiah utama dan hadiah saguhati bagi setiap kategori, iaitu:-
- i. Tempat Pertama : RM500 & Sijil
 - ii. Tempat Kedua : RM300 & Sijil
 - iii. Tempat Ketiga : RM200 & Sijil
 - iv. 20 Peserta Terbaik : RM50 & Sijil
9. Tempoh percubaan bagi pertandingan ini bermula pada 22 Julai 2024 sehingga tarikh 31 Ogos 2024 dan pertandingan ini bermula pada 01 September 2024 sehingga 30 September 2024.
10. Saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada kesemua peserta Pertandingan Pendidikan Digital Hijau. "*Knowledge is Power*", oleh itu, jangan kerana hadiah, pelajar-pelajar masuk ke dalam program ini tetapi biarlah kerana kita ingin mencari ilmu, mewujudkan kesedaran dan rasa tanggungjawab kerana ianya akan menjadi lebih bermakna. Semoga usaha ini akan memberikan manfaat berterusan kepada kita semua dan berharap agar segala ilmu pengetahuan dan maklumat yang diperolehi dalam permainan ini dapat diamalkan secara praktikal di sekolah-sekolah dan juga di rumah. Juga saya ingin ucapkan Syabas dan Tahniah kepada pemenang-pemenang yang akan memenangi pertandingan ini.

11. Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada pihak penganjur dan urusetia atas usaha yang dilaksanakan ini dan berharap warga Seberang Perai akan terus menyokong hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan komitmen MBSP dengan melaksanakan dan menjalankan aktiviti-aktiviti ke arah kelestarian alam sekitar. Marilah kita bersama-sama membantu MBSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami dan menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar.
12. Akhir kata, saya dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, merasmikan **Majlis Pelancaran Pertandingan Pendidikan Digital Hijau**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.